

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID**
[KUALA LANGAT]
TARIKH : **12.6.2014**
SOALAN :

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan fenomena pertukaran guru-guru yang dilakukan tidak mengikut keperluan tetapi lebih kepada isu politik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pertukaran guru yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) langsung tidak melibatkan kepada isu politik, sebaliknya pertukaran guru adalah dibuat berdasarkan kepada, kriteria seperti berikut:

- a) Keperluan perkhidmatan
- b) Kekosongan jawatan di negeri yang dipohon dan
- c) Keperluan opsyen/mata pelajaran di negeri yang dipohon

Di samping itu, faktor-faktor lain yang diambil kira dalam menguruskan pertukaran guru adalah:

- a) Peruntukan kewangan
- b) Pembahagian guru-guru terlatih dan berpengalaman yang saksama antara:
 - i) sekolah di luar bandar dan di dalam bandar dalam negeri berkenaan
 - ii) sekolah-sekolah dalam kawasan atau bandar yang sama

- c) Pembahagian guru-guru lelaki dan wanita yang munasabah di sekolah-sekolah di dalam kawasan yang sama terutamanya dalam bandar-bandar besar.
- d) Tempoh perkhidmatan di sesebuah sekolah/kawasan atau negeri yang tertentu.
- e) Mengikut pasangan (dengan mengambil kira keperluan opsyen dan kekosongan perjawatan).
- f) Kes kesihatan yang kronik (perlu mengemukakan surat pengesahan doktor pakar hospital kerajaan).
- g) Ancaman keselamatan (perlu mengemukakan laporan hasil siasatan polis).
- h) Lain-lain kes (perlu kemukakan bukti).